

Bil. S 14

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH PIHAK BERKUASA SUNGAI LIANG, 2007

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA SUNGAI LIANG DAN TAPAK SUNGAI LIANG

3. Penubuhan Pihak Berkuasa Sungai Liang.
4. Perlembagaan dan prosiding Pihak Berkuasa.
5. Tapak Sungai Liang.

BAHAGIAN III

TUGAS-TUGAS DAN KUASA-KUASA

6. Tugas-tugas Pihak Berkuasa.
7. Kuasa-kuasa Pihak Berkuasa.

BAHAGIAN IV

**PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UNTUK MEMUDAHKAN TUGAS-TUGAS DAN
KUASA-KUASA PIHAK BERKUASA DIJALANKAN**

8. Perwakilan.

9. Lantikan jawatankuasa.
10. Kuasa Menteri untuk menjalankan tugas-tugas dan kuasa-kuasa di bawah undang-undang bertulis tertentu.
11. Pegawai yang diberi kuasa.

BAHAGIAN V

PENGAMBILAN TANAH DAN PERLUASAN TAPAK SUNGAI LIANG

12. Pengambilan tanah.
13. Perluasan Tapak Sungai Liang.

BAHAGIAN VI

KAKITANGAN PIHAK BERKUASA

14. Ketua Pegawai Eksekutif.
15. Lantikan kakitangan.

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

16. Tahun kewangan.
17. Akaun-akaun Pihak Berkuasa dan audit.
18. Penyata dll.
19. Penubuhan dan pengendalian Dana.

BAHAGIAN VIII

AM

20. Pindaan Jadual Pertama dan Jadual Keempat.
21. Peraturan-peraturan.

JADUAL PERTAMA	—	PERLEMBAGAAN DAN PROSIDING PIHAK BERKUASA
JADUAL KEDUA	—	KOORDINAT-KOORDINAT
JADUAL KETIGA	—	BORANG LESEN
JADUAL KEEMPAT	—	SENARAI UNDANG-UNDANG BERTULIS

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PIHAK BERKUASA SUNGAI LIANG, 2007

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83 (3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pihak Berkuasa Sungai Liang, 2007.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk menubuhkan Pihak Berkuasa Sungai Liang dan bagi perkara-perkara yang berhubung atau bersampingan dengannya".

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"pegawai yang diberi kuasa" bermakna mana-mana orang atau golongan orang yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah bab 11(1);

"Pihak Berkuasa" bermakna Pihak Berkuasa Sungai Liang yang ditubuhkan oleh bab 3(1);

"Lembaga" bermakna Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei yang ditubuhkan oleh bab 3 dari Akta Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (Penggai 104);

"pengerusi" bermakna pengerusi yang disebut dalam bab 4(1)(a);

"Ketua Pegawai Eksekutif" bermakna Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa yang disebut dalam bab 4(1)(b);

"jawatankuasa" bermakna suatu jawatankuasa yang dilantik oleh Pihak Berkuasa di bawah bab 9;

"Pantai Pasang Surut dan Dasar Laut" bermakna kawasan yang disebut dalam bab 5(2);

"tugas-tugas" termasuk kewajipan, keistimewaan dan manfaat;

"Dana" bermakna Dana Pihak Berkuasa Sungai Liang yang ditubuhkan oleh bab 19(1);

"Taman Perindustrian" bermakna taman perindustrian yang akan dilaksanakan di Tapak Sungai Liang di Kampong Sungai Liang di Mukim Sungai Liang di dalam Daerah Belait;

"aktiviti Taman Perindustrian" bermakna apa-apa aktiviti yang dijalankan berkenaan dengan, berhubung dengan atau bagi maksud-maksud Taman Perindustrian;

"personel Taman Perindustrian" bermakna mana-mana orang yang bekerja atau bercadang hendak bekerja di dalam Taman Perindustrian atau yang menjalankan atau bercadang hendak menjalankan apa-apa aktiviti Taman Perindustrian;

"ahli" bermakna seseorang ahli Pihak Berkuasa yang disebut dalam bab 4(1);

"Menteri" bermakna Menteri yang diberi tanggungjawab bagi Lembaga;

"kakitangan" bermakna kakitangan Pihak Berkuasa yang dilantik di bawah bab 15(1);

"Tapak Sungai Liang" bermakna tanah (termasuk tanah bawah) dan Pantai Pasang Surut dan Dasar Laut (termasuk mana-mana bahagiannya) dan sebarang perluasannya yang diisytiharkan di bawah bab 13.

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA SUNGAI LIANG DAN TAPAK SUNGAI LIANG

Penubuhan Pihak Berkuasa Sungai Liang.

3. (1) Adalah dengan ini ditubuhkan Pihak Berkuasa Sungai Liang.

(2) Pihak Berkuasa hendaklah menjadi suatu badan korporat yang kekal turun temurun dan mempunyai meterai biasa dengan kuasa, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, untuk memperolehi dan melupuskan harta, dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama badan korporatnya dan melaksanakan perbuatan-perbuatan lain yang menurut undang-undang boleh dilaksanakan oleh badan-badan korporat.

(3) Pihak Berkuasa hendaklah mempunyai pejabat utamanya di Negara Brunei Darussalam dan boleh menubuhkan mana-mana pejabat cawangan atau agensi di luar Negara Brunei Darussalam.

Perlembagaan dan prosiding Pihak Berkuasa.

4. (1) Pihak Berkuasa hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut —

(a) seorang pengerusi;

(b) Ketua Pegawai Eksekutif, dan

(c) tidak kurang daripada 3 dan tidak lebih daripada 5 orang ahli lain.

(2) Jadual Pertama hendaklah berkuatkuasa berkenaan dengan Pihak Berkuasa, ahli-ahlinya dan prosidingnya.

Tapak Sungai Liang.

5. (1) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain, adalah dengan ini, tanpa jaminan lanjut, terletaklah dengan mutlaknya pada dan diberi milik tanpa syarat kepada, Pihak Berkuasa, Tapak Sungai Liang yang mengandungi seperti berikut —

(a) suatu estet untuk selama-lamanya berkenaan dengan kawasan yang ditunjukkan dengan koordinat-koordinat yang disenaraikan dalam Bahagian I Jadual Kedua dengan kawasan seluas kira-kira 271.0601 hektar (669.8031 ekar); dan

(b) suatu estet untuk selama-lamanya berkenaan dengan kawasan-kawasan yang ditunjukkan dengan koordinat-koordinat yang disenaraikan dalam Bahagian II Jadual Kedua, tertakluk kepada bebanan, isemen, kebenaran lalu, hak untuk lalu, lesen sementara atau hak atau keistimewaan lain yang telah dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, sebelum Perintah ini mula berjalan kuatkuasanya, kepada mana-mana orang lain bagi mana-mana kawasan tersebut.

(2) Pihak Berkuasa hendaklah mempunyai suatu lesen eksklusif berkenaan dengan Pantai Pasang Surut dan Dasar Laut dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga berkenaan dengan kawasan yang ditunjukkan dengan koordinat-koordinat yang dikenal pasti dalam lesen itu.

BAHAGIAN III

TUGAS-TUGAS DAN KUASA-KUASA

Tugas-tugas Pihak Berkuasa.

6. (1) Tugas-tugas Pihak Berkuasa adalah —

(a) untuk merangsang persekitaran kendalian mesra perniagaan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti Taman Perindustrian dan untuk memajukan suatu taman perindustrian yang berdaya saing di peringkat global;

(b) untuk memudahkan, menyokong dan menggalakkan pelaburan swasta dan awam berkenaan dengan Tapak Sungai Liang;

(c) untuk menjalankan pemerolehan, pembangunan, pembinaan, pengendalian, pengurusan dan pengawalseliaan infrastruktur, kemudahan utiliti dan aktiviti-aktiviti lain bagi penyediaan perkhidmatan infrastruktur perindustrian, perdagangan dan sosial secara individu atau berkongsi bagi pengguna-pengguna Taman Perindustrian dan mana-mana orang yang menjalankan suatu aktiviti Taman Perindustrian dan untuk menetapkan langkah-langkah yang diperlukan bagi memastikan keselamatan usaha tersebut;

(d) untuk menyokong tugas-tugas Lembaga berkenaan dengan Taman Perindustrian dan pengusahaan apa-apa aktiviti Taman Perindustrian; dan

(e) untuk melakukan semua perbuatan dan perkara lain yang mungkin bermanfaat, perlu atau dapat membantu mencapai sebarang atau semua tugas Pihak Berkuasa di bawah Perintah ini dan untuk melaksanakan tugas-tugas lain yang diberikan kepada Pihak Berkuasa oleh atau di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain.

(2) Menteri boleh mengeluarkan arahan-arahan dan memberikan tugas-tugas lain kepada Pihak Berkuasa, yang tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini, sebagaimana yang dianggapnya bersesuaian berhubung dengan perjalanan tugas-tugas dan kuasa-kuasa Pihak Berkuasa di bawah Perintah ini, dan Pihak Berkuasa dalam melaksanakan arahan-arahan dan tugas-tugas tersebut hendaklah dianggap sebagai menunaikan maksud-maksud Perintah ini.

Kuasa-kuasa Pihak Berkuasa.

7. (1) Pihak Berkuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perbuatan atau mengambil langkah-langkah bagi maksud melaksanakan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini (termasuk arahan-arahan dan tugas-tugas

sebagaimana yang mungkin dikeluarkan atau diberikan oleh Menteri di bawah bab 6(2)) dan, tertakluk kepada bab 10, di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain atau yang dapat membantu mencapai atau bersampingan dengan pelaksanaan sebarang tugas tersebut.

(2) Bab ini tidaklah boleh ditafsirkan sebagai mengehadkan sebarang kuasa Pihak Berkuasa yang diberikan oleh atau di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UNTUK MEMUDAHKAN TUGAS-TUGAS DAN KUASA-KUASA PIHAK BERKUASA DIJALANKAN

Perwakilan.

8. (1) Pihak Berkuasa boleh, tertakluk kepada syarat-syarat atau sekatan-sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut, mewakilkan kepada mana-mana jawatankuasa, ahli atau kakitangan sebarang tugas atau kuasa Pihak Berkuasa oleh atau di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain, kecuali kuasa perwakilan yang diberikan oleh bab ini.

(2) Dengan tidak menghiraukan sebarang perwakilan tersebut, Pihak Berkuasa boleh terus menjalankan, menunaikan atau melaksanakan sebarang tugas atau kuasa tersebut.

Lantikan jawatankuasa.

9. Pihak Berkuasa boleh melantik daripada kalangan ahli-ahlinya sendiri, daripada orang-orang yang bukan ahli atau kedua-duanya, beberapa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya patut yang, pada pendapat Pihak Berkuasa, akan dapat dikawalselia dan diurus dengan lebih baik lagi melalui jawatankuasa tersebut.

Kuasa Menteri untuk menjalankan tugas-tugas dan kuasa-kuasa di bawah undang-undang bertulis tertentu.

10. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menjalankan dan melaksanakan, berkenaan dengan Tapak Sungai Liang atau mana-mana bahagiannya dan berkenaan dengan apa-apa aktiviti Taman Perindustrian dan personel Taman Perindustrian, semua atau sebarang tugas dan kuasa yang dipindahkan kepada, diberikan kepada, dikenakan kepada, terletak pada, diwakilkan kepada atau ditugaskan kepada, di bawah sebarang undang-undang

bertulis yang disenaraikan dalam Jadual Keempat, mana-mana orang sama seperti seolah-olah sebutan dalam setiap undang-undang bertulis itu kepada orang itu adalah sebutan kepada Menteri.

(2) Orang itu hendaklah selepas itu terhenti daripada mempunyai tugas-tugas atau kuasa-kuasa itu berkenaan dengan Tapak Sungai Liang, aktiviti Taman Perindustrian itu dan personel Taman Perindustrian tersebut.

(3) Dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan Perintah ini yang berlawanan —

(a) jika suatu tugas atau kuasa adalah terletak dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh atau di bawah sebarang undang-undang bertulis itu, maka tugas atau kuasa itu hendaklah terus terletak dalam tangan Baginda dan tidak boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh mana-mana orang lain;

(b) tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh membatalkan atau menjejaskan kuatkuasa sebarang lesen, permit, kebenaran, sijil, keizinan atau persetujuan yang dikeluarkan kepada mana-mana orang bagi maksud menjalankan apa-apa aktiviti di dalam Tapak Sungai Liang (termasuk apa-apa aktiviti Taman Perindustrian dan berkenaan dengan personel Taman Perindustrian) sebelum tarikh Perintah ini mula berjalan kuatkuasanya.

(4) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan ceraihan (3)(a), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, setakat mana dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Baginda, mewakilkan kepada Menteri tugas-tugas dan kuasa-kuasa tersebut, termasuk kuasa untuk mendengar sebarang rayuan, yang terletak dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh atau di bawah sebarang undang-undang bertulis itu.

(5) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh dikenakan kepada mana-mana jawatan yang berikut —

(a) Peguam Negara;

(b) Juruaudit Agung;

(c) Ketua Hakim;

(d) Pesuruhjaya Polis;

(e) Pendakwa Raya;

(f) Peguamcara Negara.

Pegawai yang diberi kuasa.

11. (1) Menteri boleh, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, memberi kuasa kepada mana-mana orang atau golongan orang untuk menjalankan dan melaksanakan sebarang tugas atau kuasa yang disebut dalam bab 10(1), selain daripada tugas-tugas dan kuasa-kuasa yang dipindahkan kepada, diberikan kepada, dikenakan kepada, terletak pada, diwakilkan kepada atau ditugaskan kepada, seorang menteri di bawah sebarang undang-undang bertulis yang disenaraikan dalam Jadual Keempat.

(2) Jika sebarang persoalan timbul tentang sama ada peranan atau mana-mana bahagiannya mana-mana orang telah diambil alih oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa, suatu perakuan yang ditandatangani oleh Menteri adalah keterangan muktamad bahawa peranan itu atau sebahagiannya telah diambil alih atau tidak diambil alih.

BAHAGIAN V**PENGAMBILAN TANAH DAN PERLUASAN TAPAK SUNGAI LIANG****Pengambilan tanah.**

12. Jika sebarang tanah, bukannya tanah Kerajaan, adalah diperlukan oleh Pihak Berkuasa bagi sebarang tugasnya, Pihak Berkuasa hendaklah terlebih dahulu mendapatkan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi pengambilan tanah tersebut, dan selepas itu tanah tersebut boleh diambil di bawah peruntukan-peruntukan Akta Pengambilan Tanah (Penggali 41) seolah-olah ia adalah tanah yang diperlukan bagi suatu tujuan awam.

Perluasan Tapak Sungai Liang.

13. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengisytiharkan bahawa Tapak Sungai Liang hendaklah diperluaskan ke kawasan (yang boleh termasuk mana-mana bahagian tanah bawah, pantai pasang surut, dasar laut dan sebanyak mana perairan yang super-adjasen dengannya, Negara Brunei Darussalam dan mana-mana kawasan yang diambil menurut bab 12 atau dengan apa-apa cara lain) yang bukan sebahagian dari Tapak Sungai Liang bagi memudahkan Pihak Berkuasa menjalankan tugas-tugas dan kuasa-kuasanya di bawah Perintah ini.

(2) Pengisytiharan tersebut hendaklah menyatakan sempadan-sempadan Tapak Sungai Liang yang diperluaskan itu.

BAHAGIAN VI

KAKITANGAN PIHAK BERKUASA

Ketua Pegawai Eksekutif.

14. Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab kepada Pihak Berkuasa bagi pentadbiran dan pengurusan yang betul tugas-tugas dan kuasa-kuasanya.

Lantikan kakitangan.

15. (1) Menteri boleh melantik kakitangan (bukannya pegawai-pegawai kerajaan) sebagaimana yang mungkin dianggap perlu, mustahak atau berfaedah oleh Pihak Berkuasa bagi menunaikan tugas-tugas dan kuasa-kuasanya di bawah Perintah ini atau bagi melaksanakan dengan lebih baik lagi maksud-maksud Perintah ini.

(2) Pihak Berkuasa boleh, tertakluk kepada sebarang arahan am atau khas Lembaga —

(a) melantik, memecat dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas kakitangan;

(b) menetapkan gaji, upah atau ganjaran lain kakitangan;

(c) menentukan syarat-syarat perkhidmatan kakitangan.

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

Tahun kewangan.

16. Tahun kewangan bagi Pihak Berkuasa hendaklah bermula pada 1hb. April pada tiap-tiap tahun, kecuali bagi tahun 2007/2008 ia hendaklah bermula pada tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini dan hendaklah berakhir pada 31hb. Mac, 2008.

Akaun-akaun Pihak Berkuasa dan audit.

17. (1) Pihak Berkuasa hendaklah menyimpan akaun-akaun dan rekod-rekod yang betul bagi transaksi dan urusannya dan hendaklah melakukan semua hal yang perlu untuk memastikan bahawa semua pembayaran dari wangnya dibuat dengan betul dan dibenarkan dengan sepatutnya dan bahawa kawalan yang mencukupi adalah diselenggarakan ke atas aset, atau dalam jagaan, Pihak Berkuasa dan ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa.

(2) Akaun-akaun Pihak Berkuasa hendaklah diaudit sekurang-kurangnya sekali setahun oleh —

(a) Juruaudit Agung; atau

(b) mana-mana orang yang telah dibenarkan untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat (Penggali 39) untuk dilaksanakan oleh seorang juruaudit, yang akan dilantik pada tiap-tiap tahun oleh Pihak Berkuasa,

yang akan menghadapkan suatu laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Jika akaun-akaun Pihak Berkuasa telah diaudit oleh seseorang yang dilantik di bawah cerai (2)(b), laporan yang disebut dalam cerai itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum ia dihadapkan menurut cerai (2) kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Penyata dll.

18. (1) Pihak Berkuasa hendaklah memberikan kepada Lembaga dan orang-orang sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Lembaga, penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan harta dan aktiviti-aktivitinya sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Lembaga.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna cerai (1), Pihak Berkuasa hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas penghujung tiap-tiap tahun kewangan, menyebabkan untuk dibuat dan dihantar kepada Lembaga, dan jika diarahkan demikian oleh Lembaga, kepada mana-mana orang lain atau badan awam, suatu laporan (yang boleh termasuk akaun-akaun yang telah diaudit menurut bab 17(2)) yang berhubungan dengan aktiviti-aktiviti Pihak Berkuasa dalam tahun kewangan yang terdahulu.

(3) Laporan itu hendaklah dalam bentuk dan mengandungi maklumat berkenaan dengan prosiding dan dasar Pihak Berkuasa sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Lembaga.

Penubuhan dan pengendalian Dana.

19. (1) Bagi maksud-maksud kewangan am Pihak Berkuasa dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan bab ini, maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu dana yang dikenali sebagai Dana Pihak Berkuasa Sungai Liang.

(2) Menurut cerai (1), hendaklah diselenggarakan oleh Pihak Berkuasa berkaitan dengan Dana itu akaun-akaun yang disimpan di dalamnya semua wang yang dibayar kepada Pihak Berkuasa.

(3) Hendaklah dibayar ke dalam Dana itu sejumlah wang sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa dibayar kepada Pihak Berkuasa dari Kumpulanwang Yang Disatukan, selain daripada sejumlah wang yang dibayar dari Kumpulanwang Kemajuan.

(4) Dana itu hendaklah dibelanjakan bagi maksud-maksud —

(a) membayar sebarang perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Pihak Berkuasa (sama ada melalui kontrak atau pun selainnya), termasuk ganjaran kakitangan, ejen-ejen dan penasihat-penasihat yang digaji atau dilantik oleh Pihak Berkuasa;

(b) pada amnya, membayar sebarang perbelanjaan, bayaran atau kos lain yang dilakukan dengan sepatutnya atau diterima oleh Pihak Berkuasa (atau mana-mana ahli atau kakitangan yang bertindak di bawah arahan Pihak Berkuasa) dalam melaksanakan tugas-tugas atau kuasa-kuasanya di bawah Perintah ini atau yang dianggap perlu atau mustahak oleh Pihak Berkuasa bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini.

(5) Semua hasil dan wang tidak kira bagaimana jua pun dilevi atau diterima oleh Pihak Berkuasa dari sumber apa pun, selain dari yang disebut dalam cerai (3), hendaklah dibayar ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan.

(6) Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah masing-masing mempunyai kuasa untuk melakukan, bagi pihak Pihak Berkuasa, sebarang komitmen bagi sebarang maksud yang dinyatakan dalam cerai (4) yang mereka fikirkan patut, tertakluk kepada had monetari sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri, dan pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah masing-masing diberi kuasa untuk menandatangani, mengeluarkan, mengesahkan atau pun selainnya menyempurnakan semua cek, draf dan perintah lain untuk memudahkan pembayaran komitmen tersebut.

(7) Pihak Berkuasa hendaklah bertanggungjawab bagi menjaga dengan sewajarnya Dana itu dengan melaksanakan, menjalankan dan menunaikan tugas-tugas dan kuasa-kuasanya di bawah Perintah ini dan sebarang undang-undang bertulis yang lain.

(8) Dalam ceraiian (3), "Kumpulanwang Kemajuan" bermakna Kumpulanwang Kemajuan yang ditubuhkan oleh bab 2 dari Akta Kumpulanwang Kemajuan [Penggai 136].

BAHAGIAN VIII

AM

Pindaan Jadual Pertama dan Jadual Keempat.

20. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* meminda Jadual Pertama dan Jadual Keempat.

Peraturan-peraturan.

21. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan bagi mengawal, mengendalikan dan mengurus Taman Perindustrian, yang perlu atau mustahak untuk menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan-peruntukan Perintah ini atau pada amnya bagi maksud-maksud Perintah ini dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya dan sebarang undang-undang bertulis yang lain dan, khasnya, boleh membuat peraturan-peraturan bagi atau berkaitan dengan semua atau sebarang perkara yang berikut —

(a) pembangunan, pembinaan, pengendalian, pengurusan dan pengawalseliaan kemudahan infrastruktur dan aktiviti-aktiviti lain bagi pengguna-pengguna Taman Perindustrian;

(b) menetapkan regim pelesenan dan pengawalseliaan untuk dipatuhi oleh pengguna-pengguna Taman Perindustrian;

(c) menetapkan, mentadbir, menilai, memungut dan menguatkuasakan pembayaran semua bayaran, caj, duti, cukai pintu, cukai, tarif, sewa dan penalti untuk dikenakan kepada pengguna-pengguna Taman Perindustrian atau berkaitan dengan apa-apa jua yang disediakan atau dilakukan atau sebarang perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa berkenaan dengan Taman Perindustrian; dan

(d) menetapkan prosedur kewangan, standard membuat laporan kewangan, kuasa menandatangani dan peruntukan-peruntukan kewangan lain berhubung dengan penerimaan, penyimpanan, pengurusan, pengeluaran dan penggunaan sebarang wang, dalam dan dari Dana itu.

JADUAL PERTAMA

(bab 4(2))

PERLEMBAGAAN DAN PROSIDING PIHAK BERKUASA

Lantikan ahli dan tempoh memegang jawatan.

1. (1) Ahli-ahli hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan daripada kalangan orang-orang yang pada pendapat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagai berkelayakan yang mempunyai pengalaman luas dan menunjukkan keupayaan dalam perkara-perkara berkenaan dengan sebarang perdagangan, kewangan, aset dan pengurusan kemudahan, maritim, harta tanah dan pembangunan infrastruktur, industri kimia dan petrokimia atau pemasaran atau pun selainnya sesuai untuk dilantik berdasarkan pengetahuan dan pengalaman khusus mereka.

(2) Ahli-ahli hendaklah memegang jawatan atas syarat-syarat dan bagi tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Ahli sementara.

2. Jika mana-mana ahli tidak berada untuk sementara di Negara Brunei Darussalam atau tidak berupaya untuk sementara kerana sakit atau sebarang sebab lain dari melaksanakan kewajipan-kewajipannya sebagai seorang ahli, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik ahli lain untuk menggantikannya tetapi dia hendaklah memegang jawatan hanya dalam tempoh ahli itu tidak berada di Negara Brunei Darussalam atau tidak berupaya.

Perletakan jawatan.

3. Mana-mana ahli boleh meletakkan jawatannya dengan notis secara bertulis kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Pembatalan lantikan.

4. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh pada bila-bila masa membatalkan lantikan mana-mana ahli tanpa memberikan sebarang sebabnya.

Pengerusi boleh mewakilkan tugas-tugas.

5. Pengerusi boleh, secara bertulis, memberi kuasa kepada mana-mana ahli untuk melaksanakan sebarang tugas atau kuasa yang diberikan kepada pengerusi oleh atau di bawah Perintah ini, sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pengosongan jawatan.

6. Jawatan seseorang ahli hendaklah menjadi kosong —

(a) jika dia, tanpa sebab yang mencukupi (sebab yang mencukupi itu hendaklah diputuskan oleh Pihak Berkuasa) gagal menghadiri 3 mesyuarat Pihak Berkuasa berturut-turut;

(b) jika dia dalam apa jua cara hilang kelayakan daripada menjadi ahli Pihak Berkuasa; atau

(c) jika dia meletakkan jawatannya.

Kekosongan tidak menjejaskan perlaksanaan tugas-tugas dan kuasa-kuasa.

7. Perlaksanaan tugas-tugas dan kuasa-kuasa Pihak Berkuasa tidak akan terjejas hanya kerana terdapat sebarang kekosongan dalam keahlian Pihak Berkuasa atau sebarang kecacatan dalam lantikan mana-mana ahli.

Pengisian kekosongan.

8. Jika seseorang ahli itu mati, meletakkan jawatan, hilang kelayakan atau lantikannya dibatalkan atau pun selainnya mengosongkan jawatannya sebelum tamat tempoh lantikannya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik seseorang untuk mengisikan kekosongan itu bagi tempoh selebihnya yang dikosongkan oleh ahli itu.

Kehilangan kelayakan daripada menjadi ahli.

9. Tiada sesiapa pun boleh dilantik atau boleh terus memegang jawatan sebagai seorang ahli jika dia —

- (a) hilang upaya kerana penyakit badan atau jiwa;
- (b) seorang bankrap yang belum dilepaskan atau telah membuat sebarang penyusunan dengan pemiutang-pemiutangnya;
- (c) mendapat suatu perintah penerimaan yang dibuat terhadapnya dan perintah penerimaan itu tidak ditarik balik bagi suatu tempoh yang melebihi 6 bulan;
- (d) telah disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan ketidak-jujuran atau keburukan akhlak dan belum mendapat pengampunan;
- (e) telah dijatuhkan hukuman penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari 6 bulan dan belum mendapat pengampunan; atau
- (f) sebaliknya tidak dapat atau tidak layak untuk melaksanakan tugas-tugas seorang ahli.

Pendedahan kepentingan oleh ahli.

10. (1) Jika seseorang ahli mempunyai suatu kepentingan kewangan, secara langsung atau tidak langsung, dalam sebarang kontrak, kontrak yang telah dicadangkan atau perkara lain Pihak Berkuasa, dia hendaklah mendedahkan jenis kepentingannya dalam suatu mesyuarat Pihak Berkuasa dan tidak boleh mengambil bahagian dalam menimbang atau membincangkan, atau mengundi sebarang persoalan berhubung dengan, kontrak atau perkara lain itu. Pendedahan tersebut hendaklah direkodkan dalam minit Pihak Berkuasa dan jika pengerusi atau orang yang mempengerusikan mesyuarat itu mengarahkan demikian, ahli itu hendaklah menarik diri dari mesyuarat bagi menimbang atau membincangkan kontrak atau perkara lain itu.

(2) Bagi maksud-maksud perenggan kecil (1), suatu notis yang diberikan kepada ahli-ahli Pihak Berkuasa oleh seseorang ahli yang bermaksud bahawa dia akan dianggap sebagai mempunyai kepentingan dalam sebarang kontrak, kontrak yang telah dicadangkan atau perkara lain Pihak Berkuasa yang mungkin, selepas tarikh notis itu, dibuat atau diikat oleh Pihak Berkuasa hendaklah dianggap sebagai suatu pengisytiharan kepentingan yang mencukupi berkenaan dengan sebarang kontrak, kontrak yang telah dicadangkan atau perkara lain Pihak Berkuasa yang dibuat atau diikat itu jika —

(a) notis itu menyatakan jenis dan takat kepentingannya dalam kontrak, kontrak yang telah dicadangkan atau perkara lain Pihak Berkuasa; dan

(b) kepentingannya tidak berbeza jenisnya atau lebih besar takatnya dari jenis atau takat yang dinyatakan dalam notis itu pada masa sebarang kontrak dibuat.

Tiada notis yang diberikan di bawah perenggan kecil ini boleh berkuatkuasa melainkan jika sama ada notis itu diberikan dalam suatu mesyuarat Pihak Berkuasa atau ahli itu mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa notis itu dikemukakan dan dibaca pada mesyuarat akan datang Pihak Berkuasa setelah ia diberikan.

(3) Bagi maksud perenggan ini, suatu kepentingan kewangan mana-mana suami atau isteri, ibu atau bapa, anak lelaki, anak lelaki angkat, anak perempuan atau anak perempuan angkat, kepada seseorang ahli hendaklah dianggap sebagai suatu kepentingan kewangan ahli itu.

(4) Bagi maksud menentukan sama ada terdapat korum, seseorang ahli hendaklah disifatkan sebagai hadir dalam suatu mesyuarat walaupun di bawah perenggan kecil (1) dia tidak boleh mengundi atau telah menarik diri dari mesyuarat itu.

Mesyuarat.

11. (1) Pihak Berkuasa hendaklah bermesyuarat pada masa dan tempat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pengerusi.

(2) Pada setiap mesyuarat Pihak Berkuasa, 4 orang ahli hendaklah membentuk korum.

(3) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Pihak Berkuasa.

(4) Jika pengerusi tidak hadir dalam suatu mesyuarat, ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih daripada kalangan mereka sendiri seorang ahli untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(5) Suatu ketetapan hendaklah dianggap sebagai telah diluluskan dalam suatu mesyuarat Pihak Berkuasa jika —

(a) tanpa mengadakan mesyuarat, kebanyakan daripada ahli-ahli menyatakan persetujuan terhadap ketetapan itu menurut kaedah sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pihak Berkuasa; dan

(b) semua ahli telah diberitahu mengenai ketetapan yang telah dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah dibuat untuk memberitahu semua ahli mengenai ketetapan yang telah dicadangkan itu.

(6) Jika tidak kurang daripada 3 orang ahli meminta pengerusi dengan notis secara bertulis yang ditandatangani oleh mereka untuk mengadakan suatu mesyuarat Pihak Berkuasa bagi maksud yang dinyatakan dalam notis itu, pengerusi hendaklah, dalam masa 7 hari dari menerima notis itu, mengadakan suatu mesyuarat bagi maksud itu.

(7) Sesuatu keputusan dalam suatu mesyuarat Pihak Berkuasa hendaklah diterima dengan lebih suara ahli-ahli yang hadir dan mengundi, kecuali sekiranya terdapat persamaan undi pengerusi atau ahli yang mempengerusikan hendaklah mempunyai undi pemutus di samping undi asalnya.

Prosiding.

12. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Pihak Berkuasa boleh mengawalselia prosidingnya sendiri pada amnya dan, khususnya, berhubung dengan pengadaaan dan perjalanan mesyuarat, notis yang akan diberikan mengenai mesyuarat itu, penyimpanan minit dan penjagaan, pengemukaan dan pemeriksaan minit itu, dan pembukaan dan penutupan akaun-akaun.


(2) Kesahan sebarang prosiding Pihak Berkuasa tidak akan terjejas dengan sebarang kecacatan dalam lantikan mana-mana ahli atau dengan sebarang pelanggaran perenggan 10 oleh mana-mana ahli.

JADUAL KEDUA KOORDINAT-KOORDINAT

(bab 5(1))

Bahagian I

Koordinat-koordinat kawasan yang disebut dalam bab 5(1)(a)




Reference number	Northing	Easting	Reference number	Northing	Easting	Reference number	Northing	Easting
13	517410.88	531054.73	60	518020.93	532639.41	34	518051.3	533648.14
12	517424.11	531104.91	59	518131.85	532576.63	33	517970.97	533645.83
11	517439.85	531164.94	55	518216.16	532781.48	32	517933.25	533659.93
10	517448.61	531204.74	54	518139.42	532792.43	82	517870.31	533646.21
9	517453.74	531227.97	94	518170.49	532883.77	81	517800.25	533621.37
7	517468.76	531323.83	52	518196.49	532960.29	98	517426.46	533235.19
6	517554.93	531395.48	51	518227.4	533050.79	99	517243.36	532876.03
4	517673.56	531342	50	518170.45	533059.09	100	517139.51	532764.06
25	517797.07	531750.9	49	518186.78	533169.02	76	517056.38	532835.71
24	517611.38	531851.21	95	518296.25	533152.8	101	516209.59	531692.46
23	517633.06	531898.99	46	518357.79	533143.81	102	516145.87	531583.33
22	517655.06	531947.48	45	518310.39	533236.07	103	516126.29	531524.46
21	517682.24	532007.36	44	518295.6	533264.83	104	516098.75	531480.11
20	517709.23	532066.82	43	518280.75	533293.73	105	516483.05	531150.69
19	517740.73	532136.23	96	518300.62	533380.89	106	516554.39	531276.93
18	517769.1	532198.72	97	518306.63	533407.16	107	516612.87	531349.07
17	517803.35	532259.32	41	518330.44	533513.18	108	516670.31	531383.32
16	517950.31	532176.24	38	518302.95	533559.78	90	516785.04	531400.05
63	518052.29	532328.03	37	518282.87	533573.78	91	516969.95	531298.02
62	517894.16	532416.51	36	518207.51	533627.29	92	517256.13	531140.11
61	517951.76	532515.84	35	518147.22	533624.09	13	517410.88	531054.73

Bahagian II

Koordinat-koordinat kawasan lain yang disebut dalam bab 5(1)(b)

A. Koordinat-koordinat Raw Water Extraction Site Boundry




Pumping Station

Reference number	Northing	Easting
1	504540.45	525825.96
2	504579.65	525833.91
3	504569.72	525882.91
4	504530.51	525874.96

Sungai Badas Intake


Reference number	Northing	Easting
1	504540.45	525825.96
4	504530.51	525874.96
5	504522.16	525822.19
6	504512.21	525871.25

B. Raw Water Transfer Pipeline dari Sungai Badas ke Sungai Liang Industrial Park




Reference number	Northing	Easting
1	504,575.94	525,853.01
2	504,579.86	525,853.01
3	504,583.49	525,835.11
4	504,641.64	525,767.31
5	504,640.67	525,761.91
6	504,655.10	525,767.56
43	504,652.48	525,776.17
44	504,598.78	525,850.26
45	504,590.80	525,869.51
46	504,573.16	525,865.94
1	504,575.94	525,853.01

Pipeline B1




Reference number	Northing	Easting
7	514,071.55	529,428.66
8	514,195.74	529,572.71
9	514,695.49	530,707.15
10	514,795.80	530,899.75
39	514,789.07	530,904.15
40	514,688.26	530,710.60
41	514,188.92	529,577.05
42	514,066.76	529,435.36

Pipeline B2



Reference number	Northing	Easting
11	514,896.46	531,024.58
12	514,997.11	531,104.09
13	515,097.53	531,167.35
14	515,197.76	531,218.47
15	515,497.86	531,361.52
16	515,797.55	531,504.38
17	515,896.92	531,570.96
18	515,996.37	531,660.87
19	516,095.88	531,781.87
30	516,089.30	531,786.45
31	515,990.57	531,666.00
32	515,891.99	531,577.28
33	515,793.63	531,511.38
34	515,494.42	531,368.74
35	515,194.19	531,225.63
36	515,093.57	531,174.31
37	514,992.49	531,110.63
38	514,890.80	531,030.30


Pipeline B3



Reference number	Northing	Easting
20	516,195.68	531,952.52
21	516,288.61	532,111.42
22	516,328.58	532,090.41
23	516,368.40	532,060.60
24	516,458.35	532,013.34
25	516,463.11	532,019.88
26	516,372.69	532,067.39
27	516,332.87	532,097.20
28	516,285.56	532,122.06
29	516,188.78	531,956.56

Pipeline B4

**C. Koordinat-koordinat Water Treament Plant Boundary,
Fire Main Storage Reservoir dan Potable Water Supply Pipeline**



Water Treatment Plant

Reference number	Northing	Easting
1	516630.93	533118.20
2	516688.52	533178.44
3	516681.85	533222.62
4	516825.91	533373.30
5	516705.99	533487.96
6	516667.62	533447.83
7	516639.14	533475.06
8	516456.96	533284.52


Fire Main Storage Reservoir

Reference number	Northing	Easting
9	516572.06	533491.11
10	516642.01	533493.91
11	516638.01	533593.83
12	516568.06	533591.03

Potable Water Supply Pipeline

Reference Number	Northing	Easting
13	516615.00	533493.00
14	516667.62	533447.83
15	516675.22	533455.78
16	516635.61	533493.66

D. Koordinat-koordinat Potable Water Supply Pipeline dari Water Treatment Plant ke Sungai Liang Industrial Park



Reference number	Northing	Easting
1	516,670.10	533,262.30
2	516,676.83	533,255.87
3	516,735.47	532,867.67
4	516,782.04	532,797.64
5	516,787.30.	532,793.18
6	516,894.10	532,919.36
7	517,030.62	532,800.71
8	517,037.70	532,810.46
9	516,892.79	532,936.39
10	516,791.63	532,816.87
11	516,753.37	532,874.72
12	516,691.38	533,284.56

JADUAL KETIGA

(bab 5(2))

BORANG LESEN

LESEN INI dibuat pada hari ini haribulan DI ANTARA
 KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (selepas ini dipanggil "Pemberi
 Lesen") di satu pihak dan PIHAK BERKUASA SUNGAI LIANG, suatu badan
 korporat yang diperbadankan oleh Perintah Pihak Berkuasa Sungai Liang, 2007
 (selepas ini dipanggil "Pemegang Lesen", perkataan itu hendaklah jika kandungan
 ayatnya membenarkan termasuk pewaris hakmiliknya dan penerima serah
 haknya yang dibenarkan, jika ada) di pihak yang satu lagi.

MAKA ADALAH DIPERSETUJUI seperti berikut —

1. Pemberi Lesen dengan ini memberikan kepada Pemegang Lesen hak eksklusif dan autoriti untuk —

(a) memasuki kawasan yang ditunjukkan dengan koordinat-koordinat yang disenaraikan dalam Jadual kepada Lesen ini ("Pantai Pasang Surut dan Dasar Laut") bagi maksud membina, memasang, menyiapkan, mengendalikan dan menyelenggara struktur-struktur pantai pasang surut dan dasar laut di dalamnya termasuk jeti dan semua peralatan dan kelengkapan di sana ("Kerja-Kerja tersebut"); dan

(b) memberikan sublesen kepada pihak-pihak ketiga atas syarat-syarat dan bagi suatu tempoh dalam masa tempoh Lesen ini sebagaimana yang dianggap bersesuaian oleh Pemegang Lesen.

2. Tertakluk kepada fasal 5, Lesen ini adalah bagi suatu tempoh selama [] tahun mulai dari [] (selepas ini disebut sebagai "Tarikh Permulaan Kuatkuasa Lesen").

3. Pemegang Lesen dengan ini bersetuju bahawa dalam melaksanakan Kerja-Kerja tersebut, Pemegang Lesen hendaklah mematuhi dalam semua hal peruntukan-peruntukan setiap undang-undang bertulis.

4. Pemberi Lesen tidak akan memberi jaminan bahawa Pantai Pasang Surut dan Dasar Laut adalah layak dari segi fizikal bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam fasal 1.


5. Pihak-pihak tersebut bersetuju bahawa jika kerana sebarang sebab kawasan yang ditunjukkan dengan koordinat-koordinat yang disenaraikan dalam Bahagian II Jadual Kedua Perintah Pihak Berkuasa Sungai Liang, 2007 yang diberikan dan diberimilik kepada Pemegang Lesen oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada bila-bila masa dibatalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan, Lesen ini hendaklah ditamatkan secara automatik tanpa notis lanjut kepada Pemegang Lesen dan tanpa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan membayar apa-apa pampasan pun kepada Pemegang Lesen, tetapi tanpa menjejaskan hak-hak dan remedi-remedi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berkaitan dengan apa-apa pelanggaran terdahulu ke atas sebarang syarat atau obligasi di pihak Pemegang Lesen di bawah Lesen ini.

6. Kesahan, pengertian, tafsiran dan penguatkuasaan Lesen ini dan semua hak, remedi, kuasa, obligasi dan liabiliti di bawahnya hendaklah dikawal oleh undang-undang Negara Brunei Darussalam.

JADUAL

Koordinat-koordinat Pantai Pasang Surut dan Dasar Laut



Jetty Stem

Reference number	Northings	Eastings
1	518,528.26	532,536.98
2	518,287.10	532,156.30
3	518,259.63	532,106.94
4	518,231.64	532,057.44
5	518,032.60	531,653.54
6	521,773.36	529,554.76
7	522,164.66	530,497.16

Jetty Head (require radius of 900m from reference number 8)

Reference number	Northings	Eastings
8	522,653.74	529,741.65

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PADA MENYAKSIKANNYA wakil-wakil yang bertandatangan di bawah ini telah menurunkan tandatangan mereka masing-masing pada tarikh dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

DITANDATANGANI bagi pihak KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM di hadapan —

}

.....

DITANDATANGANI bagi pihak PIHAK
BERKUASA SUNGAI LIANG di hadapan —

}

.....

JADUAL KEEMPAT

(bab-bab 2 dan 10(1))

SENARAI UNDANG-UNDANG BERTULIS

Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam (Penggal 31);

Akta Perihal Tanah (Pelan Ukur) (Penggal 101);

Akta Elektrik (Penggal 71);

Akta Bomba dan Penyelamat (Penggal 82);

Akta Hutan (Penggal 46);

Akta Imigresen (Penggal 17);

Perintah Penyelarasan Perindustrian, 2001 (S 44/01);

Perintah Galakan Pelaburan, 2001 (S 48/01);

Akta Buruh (Penggal 93);

Akta Pengambilan Tanah (Penggal 41);

Kanun Tanah (Penggal 40);

Perintah Perkapalan Pedagang, 2002 (S 27/02);

Akta Lesen Rampaian (Penggal 127);

Akta Racun (Penggal 114);

Akta Pelabuhan (Penggal 144);

Perintah Pencegahan Pencemaran Laut, 2005 (S 18/05);

Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal (Penggal 147);

Akta Perancangan Bandar dan Desa (Kawalan Kemajuan) (Penggal 143);

Akta Bekalan Air (Penggal 121);

Akta Pampasan Pekerja (Penggal 74).

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 6 haribulan April, 2007 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM